

SMU, badan peniaga lancar kerjasama bagi bantu SME

PERSEKUTUAN Perniagaan Singapura (SBF) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) telah mengumumkan satu kerjasama baru bagi menyokong syarikat kecil dan sederhana (SME) dalam transformasi perniagaan dan laluan pertumbuhan mereka.

Dikenali sebagai inisiatif SBF-SMU Lead-Charge, ia bertujuan untuk membantu SME dalam merubah perniagaan mereka melalui empat fasa iaitu kesedaran, diagnosis, campur tangan dan pengiktirafan, kata SBF dan SMU dalam satu kenyataan bersama kelmarin.

Menurut kenyataan itu, cabaran utama dalam transformasi perniagaan ialah perubahan minda di semua peringkat pertumbuhan termasuk pegawai eksekutif tertinggi syarikat dan mengubah cara bagaimana perniagaan harus beroperasi dalam ekonomi baru.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SBF Encik Ho Meng Kit berkata inisiatif baru ini menggariskan penyesuaian tenaga dan sumber pendukung kepentingan utama dalam eko-sistem transformasi perniagaan.

“Menyatukan pengetahuan mendalam SMU dan rangkaian meluas SBF dalam industri bermakna kolaborasi ini akan mendekati firma yang dahagakan perubahan untuk merebut peluang pertumbuhan baru,” ujar Encik Ho.

Provost SMU, Profesor Lily Kong pula berkata:

“Ekonomi masa depan memerlukan syarikat Singapura mempunyai kecekapan utama yang kukuh dan keupayaan inovatif bagi menangani gangguan ekoran teknologi digital dan persaingan baru.”

SBF dan SMU juga akan menganjurkan siri perbincangan dan seminar sarapan CEO, yang menyasarkan pemilik perniagaan dan memberi tumpuan terhadap amalan terbaik global serta pemikiran terkini berkaitan transformasi perniagaan, teknologi, inovasi, pertumbuhan dan langkah mengantarabangsa.

Pengamal dan pemimpin industri juga akan diundang untuk mengongsi strategi serta cabaran mereka dengan peserta dalam sesi ini.

Menyusuli sesi ini, SME yang berminat untuk mengambil tindakan untuk merubah perniagaan mereka, boleh mengambil bahagian dalam Inisiatif SBF-SMU Lead Charge.

Bagi SME yang mengambil bahagian, syarikat mereka akan menjalani sesi diagnosis terlebih dahulu bagi menilai DNA syarikat itu dalam memaksimumkan potensinya dengan pesaing lain.

Pelbagai kursus membangunkan keupayaan, konsultan dan pementoran akan ditawarkan bagi melengkapi syarikat dengan kemahiran untuk menangani kelemahan dalam usaha merubah perniagaan mereka.